

**SMK JALAN OYA SIBU
 PERCUBAAN TINGKATAN 6
 PENGGAL 1
 2012**

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Baca arahan di bawah dan pada Kertas Soalan dengan teliti.

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah
A	Objektif - 20 Soalan (Jawab Semua)	20 markah	
B	Subjektif – 3 soalan (Jawab Semua)	30 markah	
C	Karangan- 4 soalan (Jawab 1 sahaja)	50 markah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak termasuk kulit hadapan
 Unit Peperiksaan Tingkatan 6 SMK Jalan Oya @ Gusti bin Sahdan, Guru Mata Pelajaran Bahasa Malaysia

Kertas 1 : Bahagian A [20 markah]

Jawab *semua* soalan

1. Pilih pernyataan yang benar tentang konsep “Melayu”.
- A Pada awalnya istilah Melayu hanya dikaitkan dengan konsep kerajaan dan bangsa.
 B Istilah *Maleu-kolon* digunakan oleh rahib Buddha yang bernama I-Tsing untuk dua kerajaan di Sumetra.
 C Kemunculan istilah *Melayu* yang merujuk kepada bangsa dan bahasa bermula apabila wujudnya kerajaan Melaka.
 D Perkataan *Mlayu* yang bermaksud mengembara ditemukan tertulis di bahagian belakang sebuah patung di Padang Rocore.
2. Antara yang berikut, yang manakah bahasa yang termasuk dalam kategori “keluarga” dalam kajian asal-usul berdasarkan usia?

- | | |
|--------------|----------------|
| I Formosa | III Melanesia |
| II Polinesia | IV Austronesia |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

3.


<ul style="list-style-type: none"> ❖ Dijumpai di Bukit Seguntang, Palembang ❖ Tulisan yang digunakan ialah tulisan Palava ❖ Antara isi kandungannya adalah tentang Raja Jayanash yang berjanji untuk membahagiakan semua makhluk

Penyataan di atas berkaitan dengan

- | | |
|------------------------------------|------------------------------|
| A Batu Bersurat Kedukan Bukit | C Batu Bersurat Kota Kapur |
| B Batu Bersurat Talang Talang Tuwo | D Batu Bersurat Karang Brahi |

4. Antara yang berikut ialah ciri-ciri bahasa Melayu kuno **kecuali**
- I Awalan mar- berubah menjadi awalajn ber-
 II Tiada bunyi e pepet
 III Terdapat keluncuran /w/ menjadi /d/.
 IV Tidak terdapat imbuhan pada kata kerja aktif
- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |
5. Pada zaman kerajaan Melayu Melaka, bahasa Melayu berfungsi sebagai
- | | |
|---------------------|-------------------------|
| I bahasa kebangsaan | III bahasa penyatuan |
| II lingua franca | IV bahasa kesusasteraan |
| A I dan II | C II dan IV |
| B II dan III | D III dan IV |

6.



Berdasarkan carta di atas, S ialah

- A batu bersurat Sungai Teresat
 B batu bersurat di Minye Tujuh
 C batu bersurat di Pagar Ruyung
 D batu nisan Sultan Malikul-Salleh

7.

	Tokoh		Karya
I	Za'ba	P	Hukum Kanun
II	Abdullah Munsyi	Q	Tunfat al-Nafis (1865)
III	Raja Ali Haji	R	Hikayat Dalilah dan Daminah
IV	Mohamad Said Hj Sulaiaman	S	Daftar Ejaan Baharu (1941)

Berdasarkan jadual di atas, yang manakah padanan yang betul antara tokoh dengan karyanya?

	I	II	III	IV
A	S	R	Q	P
B	S	Q	P	R
C	R	P	R	S
D	Q	Q	S	P

8. Yang berikut benar tentang Dewan Bahasa dan Pustaka **kecuali**

- A dinaikkan taraf menjadi badan berkanun pada tahun 1959.
 B nama asal Dewan Bahasa dan Pustaka ialah Balai Pustaka.
 C ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru.
 D menterjemahkan buku-buku bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

9. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan perancangan korpus bahasa?

- I Menerbitkan buku panduan terjemahan
 II Membentuk satu variasi bahasa Melayu baku
 III Memantapkan sistem ejaan dalam bahasa Melayu
 IV Mengwujudkan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

10. Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa resmi dan bahasa kebangsaan negara ini kerana bahasa Melayu


- I merupakan bahasa pengantar.
- II pernah menjadi lingua franca
- III digunakan oleh majoriti rakyat Malaysia.
- IV merupakan bahasa pertuturan penduduk Nusantara.

- A I dan II
- B II dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Fonem ialah

- A bunyi-bunyi penggalan.
- B pecahan pada sesuatu kata.
- C lambang yang menghasilkan tulisan.
- D unit bahasa yang terkecil yang berfungsi dalam sesuatu bahasa.

12.



Berdasarkan rajah, bunyi vokal bagi perkataan *ayam*, *pasar*, dan *atap* terletak pada kedudukan

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4

13.

- Bahagian belakang lidah dinaikkan tinggi ke arah lelangit lembut
- Pita suara bergetar
- Udara keluar dari paru-paru tanpa sekatan

Vokal yang terhasil berdasarkan pernyataan di atas terdapat dalam perkataan

- A pilih
- B alam
- C buluh
- D sotong

14. Antara kata yang berikut, yang manakah yang mengandungi bunyi diftong pada suku kata akhir perkataan?

- I Sidai
 - II Aurat
 - III Tuisyen
 - IV Dangau
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15. Semua pernyataan berikut benar tentang bunyi konsonan, **kecuali**

- A semasa menghasilkan bunyi konsonan, pita suara tidak digetarkan.
- B sesetengah bunyi konsonan bersuara dan sesetengahnya tidak bersuara.
- C semua bunyi konsonan sengauan bahasa Melayu memerlukan getaran pita suara.
- D semasa menghasilkan bunyi konsonan, udara dari paru-paru mengalami halangan.

16.

- Lelangit lembut dinaikkan sehingga menutup rongga hidung.
- Udara disekat dengan menutup kedua-dua bibir.
- Sekatan udara dilepaskan dengan serta-merta sambil menggetarkan pita suara.

Pilih kata yang terhasil daripada huraian penghasilan bunyi di atas.

- | | |
|-------------|--------------|
| I Bola | III Bandar |
| II Pilih | IV Pemimpin |
| A I dan II | C II dan IV |
| B I dan III | D III dan IV |

17.

- Bibir bawah dirapatkan ke gigi atas supaya membuat sempitan.
- Lelangit lembut diangkat rapat ke rongga tekak.
- Udara keluar dari paru-paru melalui rongga mulut dibiarkan bergeser keluar di daerah rapatan bibir bawah dan gigi atas.
- Pita suara digetarkan.

Huraian tersebut merupakan cara untuk menghasilkan bunyi

- | | |
|------------------------------|-----------------------------------|
| A letupan bibir bersuara | C geseran bibir-gigi bersuara |
| B letupan bibir tak bersuara | D geseran bibit-gigi tak bersuara |

18. Kumpulan konsonan yang kesemuanya dihasilkan dengan getaran pita suara ialah

- | | |
|-----------|-----------|
| A [p,b,t] | C [d,g,b] |
| B [b,k,g] | D [t,d,g] |

19. Yang manakah kumpulan perkataan yang kesemuanya mengandungi gugus konsonan?

- | | |
|------------------------|-------------------------------|
| A Praktik, cipta, aksi | C Khabar, subjek, protein |
| B Syarat, harga, teks | D Plastik, struktur, kompleks |

20. Antara yang berikut, yang manakah pernyataan yang benar tentang diftong?

- | | |
|--|--------------|
| I Terdapat unsur geluncuran | C II dan IV |
| II Mempunyai satu puncak kelantangan | D III dan IV |
| III Wujud hentian semasa penghasilannya | |
| IV Gabungan vokalnya membentuk dua suku kata | |
| A I dan II | |
| B I dan III | |

Bahagian B

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Bahasa menunjukkan bangsa. Ungkapan tersebut bukan sahaja merupakan kata-kata yang dicipta untuk membangkitkan semangat tetapi juga mencerminkan kepentingan rakyat negara ini, terutamanya generasi muda mempelajari dan menguasai bahasa Melayu. Bahasa Melayu, selaku bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara merupakan wadah yang memberikan identiti dan jati diri kepada kita. Bahasa inilah yang menjadi tonggak perpaduan rakyat Malaysia dan semangat kekitaan kepada kita. Oleh itu, menjadi tanggungjawab golongan guru bahasa Melayu untuk merintis jalan bagi memastikan anak-anak muda yang meninggalkan bangku sekolah menguasai, mencintai, dan menjunjung kedaulatan bahasa ini. Namun begitu, ini bukanlah usaha yang mudah. Hakikat kemajmukan negara ini bermaksud bahasa Melayu bukannya bahasa ibunda untuk hampir separuh penduduk Malaysia. Keadaan ini disukarkan lagi dengan tanggapan negatif sesetengah penduduk negara ini yang ***mengidentifikasikan bahasa Melayu dengan kemunduran*** dan mengagung-agungkan bahasa Inggeris yang dianggap melambangkan kemajuan dan pembangunan.

Banyak pihak berpendapat bahawa punca utama kegagalan sebilangan besar guru bahasa untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam bahasa Melayu kerana ketidakmampuan mereka untuk meyakinkan anak-anak muda tentang keindahan bahasa ini. Peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa “tak kenal, maka tak cinta”. Kebanyakan pelajar hari ini, terutamanya pelajar bukan Melayu tidak nampak sebarang keindahan dalam bahasa ini. Oleh itu, mereka tidak mempelajari bahasa ini dengan sepenuh hati tetapi sebaliknya hanya sebagai syarat untuk melepasi halangan peperiksaan. Oleh itu, dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran, guru-guru perlu menyediakan satu skema pengajaran khas yang sering diabaikan oleh guru bahasa. Mereka tidak seharusnya memperkenalkan mata pelajaran bahasa Melayu sebagai karangan, rumusan, atau tatabahasa. Sebaliknya bahasa Melayu perlu diperkenalkan sebagai ***wadah budaya yang mencerminkan pemikiran dan tamadun satu bangsa*** dan sekumpulan manusia.

Beberapa kelas awal perlu diperuntukkan untuk membawa anak-anak muda ini menghayati pelbagai unsur keindahan yang mewarnai bahasa ini. Mereka perlu menghayati keindahan bahasa ini melalui koleksi peribahasa, etimologi kata, proses peminjaman istilah, pantun, gurindam, dan ungkapan-ungkapan yang menarik. Melalui kaedah pengajaran yang unik ini, guru akan dapat memenangi hati mereka dan memacu keinginan mereka untuk mendalami bahasa ini. Tanggapan positif dan cinta akan bahasa yang tersemat di jiwa mereka memudahkan usaha guru untuk menyampaikan ilmu bahasa kepada mereka dengan lebih berkesan dan banyak membantu menyediakan mereka menghadapi peperiksaan.

(Disesuaikan daripada makalah “Jangan Salahkan Murid” oleh Sharifah bin Md. Isa)

1. Jelaskan maksud
 - (a) ... ***mengidentifikasikan bahasa Melayu dengan kemunduran*** [2]
 - (b) ... ***wadah budaya yang mencerminkan pemikiran dan tamadun satu bangsa*** [2]
2. Apakah saranan yang disampaikan oleh penulis kepada guru-guru Bahasa Melayu bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka? [6]
3. Pada pendapat anda, mengapakah penulis amat menekankan keberkesanan pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah? [20]

Bahagian C
[50 markah]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan dengan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.

1. Sesetengah ibu bapa hari ini begitu ghairah dalam memastikan kecemerlangan akademik anak-anak mereka. Oleh itu, institusi pendidikan awal atau tadika mula tumbuh bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan di negara kita. Bincangkan kesan-kesan pendidikan tadika kepada anak-anak.
2. Masalah kesesakan lalu lintas di negara kita terutamanya di bandar-bandar sudah sampai ke tahap yang boleh dikatakan agak membimbangkan. Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk memperbaiki masalah ini.
3. Kadar pengangguran dalam kalangan graduan kita masih lagi berada pada paras yang tinggi. Pada pendapat anda, mengapakah hal ini berlaku?